

Baca petikan. Kemudian jawab soalan berikutnya.

Mengapakah burung mempunyai bulu pelepah?

Burung adalah satu-satunya haiwan yang mempunyai bulu pelepah. Bulu pelepah yang diremangkan membantu burung menghangatkan dan meringankan badannya supaya dapat terbang. Keadaan bulunya seperti berminyak dan kalis air.

Bulu pelepah yang digerakkan untuk mengubah bentuk kepak bagi membuat pelbagai pergerakan seperti meluncur naik dan turun.

Bulu pelepah terdiri daripada keratin iaitu satu bahan yang membentuk rambut dan kulit pada manusia. Setiap burung mempunyai tiga jenis bulu pelepah. Setiap satunya mempunyai fungsi yang berbeza. Jenis-jenisnya adalah bulu kepak, bulu ekor dan bulu badan. Apabila cukup masanya bulu pelepah yang lama akan gugur dan bulu yang baharu akan tumbuh.

Bulu pelepah kepak berfungsi mengangkat burung naik ke udara dan membawanya terbang ke mana sahaja. Sementara bulu pelepah badan adalah bulu yang paling halus pada badan burung. Ia berfungsi untuk menghangatkan badan burung. Bulu pelepah ekor pula berfungsi membantu burung ketika ia sedang terbang.😊

Soalan:

1. Haiwan apakah yang satu-satunya mempunyai bulu pelepah?

2. Apakah kegunaan bulu pelepah yang diremangkan?

3. Bagaimanakah keadaan bulunya?

4. Bulu pelepah yang digerakkan untuk apa?

5. Bulu pelepah terdiri daripada apa?

6. Nyatakan jenis-jenis bulu pelepah.

7. Bulu pelepah kepak berfungsi sebagai apa?

8. Sinonim bagi **haiwan** ialah _____

9. Sinonim bagi **kepak** ialah _____

10. Sinonim bagi **berbeza** ialah _____

